

30 AUG 1996

## PERHUBUNGAN MALAYSIA-CHINA LEBIH BAIK DARIPADA DAHULU

Oleh: Yong Soo Heong

KUALA LUMPUR, 30 Ogos (Bernama) -- Perhubungan dua hala Malaysia dan China telah diperkukuhkan lagi berikutan lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke China baru-baru ini.

Lawatan itu, yang menyaksikan berjuta-juta ringgit usaha sama China-Malaysia di dalam industri-industri tenaga, automobil dan komponen-komponen kereta, akan meningkatkan perhubungan ekonomi ke tahap yang ketara lebih tinggi lagi.

Tiada syak lagi, perhubungan di antara Malaysia dan China adalah lebih baik daripada dahulu kerana lawatan-lawatan seumpamanya kerap kali memberikan jalan bagi para pemimpin untuk memahami satu sama lain dengan lebih baik.

Keseluruhannya, Dr Mahathir telah melawat China sebanyak empat kali selaku Perdana Menteri Malaysia, lebih banyak daripada pemimpin Malaysia yang lain di dalam sejarah negara.

Lawatan sulung Dr Mahathir ialah pada November 1985, yang kedua pada Jun 1993 dan ketiga pada Mei 1994. Lawatan-lawatan itu menggambarkan sikap pragmatismenya dan juga wawasan beliau untuk memupuk perhubungan lebih baik di antara Malaysia dan negara Asia Timur lain yang dinamik.

Presiden China, Jiang Zemin, menyifatkan Dr. Mahathir sebagai rakan lama yang biasa dengan China, memuji usaha Dr Mahathir dalam melicinkan perhubungan China-Malaysia.

Beliau dipetik sebagai berkata di dalam akhbar "China Daily" bahawa lawatan terbaru Dr. Mahathir, di mana beberapa perjanjian perdagangan dimeterai sementara persefahaman dicapai untuk membangunkan Lembangan Mekong dan rangkaian kereta api Pan-Asia, yang merupakan simbol perhubungan China-Malaysia sebagai telah mencapai taraf baru.

Kedua-dua pemimpin bersetuju bahawa Malaysia dan China mahukan kerjasama, bukan konfrantasi, perhubungan bukan sekatan, dialog bukan mengambil jalan melalui kekerasan.

Sejak Malaysia menjadi negara Asean yang pertama menubuhkan hubungan diplomatik dengan China pada 31 Mei, 1974, perhubungan dua hala di antara kedua-duanya telah kian berkembang.

Apabila perhubungan ditubuhkan 22 tahun lalu, kedua-dua negara berikrar saling menghormati kedaulatan dan maruah wilayah masing-masing; saling tidak menyerang; saling tiada campur tangan di dalam ehwal dalam negeri satu sama lain; dan mempunyai persamaan, faedah bersama dan hidup bersama secara damai.

Berikutan lawatan perintis ke China pada 1974 oleh perdana menteri kedua, Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein, banyak pemimpin Malaysia telah melawat China secara rasmi bagi memperkukuhkan lagi hubungan persahabatan yang sedia ada. Mereka termasuk perdana menteri ketiga, Allahyarham Tun Hussein Onn, bekas timbalan perdana menteri Tun Abdul Ghafar Baba, dan timbalan perdana menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Begitu juga, para pemimpin China yang telah melawat Malaysia termasuk bekas presiden Yang Shangkun dan perdana menteri Zhao Ziyang pada 1992 dan 1981 dan juga perdana menteri Li Peng pada 1990, Presiden Jiang Zemin pada Nov 1994, dan naib presiden Zhu Rongji pada Mei 1996.

Lawatan-lawatan itu telah memperkukuhkan lagi ikatan persahabatan dan membolehkan para pemimpin kedua-dua negara memahami satu sama lain dan isu-isu kepentingan bersama dengan lebih baik.

Di samping menandatangani perjanjian-perjanjian berkaitan dengan

pengelakan cukai berganda, perkapalan dan penerbangan, salah satu keputusan yang paling penting ialah penghapusan sekatan perjalanan ke China dan perlonggaran syarat-syarat rakyat China untuk melawat Malaysia.

Perdagangan dan pelaburan di antara kedua-dua negara juga telah meningkat. Sepanjang dua dekad lalu, Malaysia dan China telah menubuhkan hampir 100 usaha sama bernilai lebih daripada RM2.5 bilion.

Menurut Jabatan Perangkaan, jumlah perdagangan di antara Malaysia dan China tahun lalu meningkat kepada RM9.21 bilion daripada RM8.64 bilion pada 1994.

Perdagangan dan pelaburan Malaysia yang kian meningkat dengan China menggambarkan satu isu penting -- kemunculan China sebagai kuasa ekonomi dan pengiktirafan Malaysia bahawa adalah saling bermanfaat mempunyai perubung yang aktif di bidang ekonomi.

Dr Mahathir adalah juga pemimpin Asean yang pertama muncul menyokong China sebagai negara sahabat berbanding dengan kepercayaan meluas Barat bahawa China boleh menjadi ancaman ketenteraan.

Dr Mahathir, ketika menekankan berkali-kali bahawa tanggapan itu adalah jauh daripada benar, telah malahan menyatakan bahawa apa yang ditakuti oleh Barat kini bukan China yang berdasar ketenteraan tetapi kemunculan semula China yang berkuasa daripada segi ekonomi, satu pasaran yang besar.

Perdana Menteri Malaysia itu telah menyatakan bahawa masanya telah tiba untuk berhenti melihat China melalui kaca mata ancaman dan melihat sepenuhnya China sebagai menawarkan satu peluang yang besar.

Ini adalah pendirian Malaysia yang ia percaya saling menguntungkan bagi kedua-dua negara apabila mereka menuju ke seribu tahun akan datang. --

BERNAMA

SHY OS/sia